

CORPORATE DEVELOPMENT

The Special Bumiputra Issue of 31,000,000 new ordinary shares of RM1.00 each in the Company to Bumiputra investors approved by the Ministry of International Trade and Industry at an issue price of RM1.00 per share ("SBI") is pending implementation. As announced on the 7 January 2004, the Securities Commission had approved a further extension of time of one year until 31 December 2004 for the implementation of the SBI.

As announced on 21 November 2003, Bakat Rampai Sdn Bhd ("BRSB"), a wholly-owned subsidiary of the Company had extended an offer to sell its entire shareholding of 36,081,980 ordinary shares of RM1.00 each representing approximately 11.25% equity interest in Berjaya Times Square Sdn Bhd ("BTSSB") to Matrix International Bhd ("MIB") for a consideration of RM111,854,138 to be satisfied by the issuance of 79,895,813 new ordinary shares of RM1.00 each in MIB at an issue price of RM1.40 per share. Further to the above and as announced on the 2 April 2004, BRSB together with 6 other parties namely Tan Sri Dato' Seri Tan Chee Yioun, Dato' Robin Tan Yeong Ching, Rayvin Tan Yeong Sheik, Nerine Tan Sheik Ping, JMP Holdings Sdn Bhd

The luxurious interior of our Green Haven bungalow show unit at Damansara Indah Resort Homes.

Ruang dalaman serba mewah unit contoh Green Haven kami di Damansara Indah Resort Homes.



and Vecc-Men Holdings Sdn Bhd had on 30 March 2004 entered into a conditional sale and purchase agreement with MIB for the disposal of 320,613,940 ordinary shares of RM1.00 each representing the entire interest in BTSSB for a consideration of RM993,901,819 to be satisfied by the issuance of 709,929,871 new ordinary shares of RM1.00 each in MIB at an issue price of RM1.40 per share ("Proposed Disposal"). The Proposed Disposal is pending all relevant approvals including the Securities Commission.

PROSPECTS

The domestic economic outlook for 2004 generally remains favourable, underpinned by political stability and strong economic fundamentals, despite global uncertainties highlighted by continuing violence in Iraq, worsening Israeli-Palestinian conflict, terrorist threats, the possible re-emergence of SARS, the tightening of bank lending and possible economic slowdown in China. However, the anticipated better prospects for world economic growth in 2004 arising from economic recovery taking place in some major industrial countries and regional economies are positives to look forward to. The GDP growth momentum for the Malaysian economy is envisaged to strengthen further by 6% - 6.5% in 2004.

Our Group, which takes pride in pioneering the development of upmarket properties in Petaling Jaya since 1992, have now seen this sector become more and more competitive, with many other property developers emulating our business model and starting to develop similar properties in this area. Management would continue to assess the relevance of this business model in response to the threats posed by this changing market and business environment. However, the Group is confident that, with its widely-acknowledged branding and track record of delivering innovative and quality houses on time and maintaining good rapport with purchasers, many of whom are repeat customers, the Group's project will continue to be well-received.

Barring any unforeseen circumstances, the Group is expected to continue to perform satisfactorily for the coming year.

PERKEMBANGAN KORPORAT

Terbitan Khas Bumiputera ("TKB") sebanyak 31,000,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Syarikat, kepada pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Industri, pada harga terbitan RM1.00 sesaham belum dilaksanakan lagi. Seperti yang diumumkan pada 7 Januari 2004, Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan lanjutan masa satu tahun sehingga 31 Disember 2004 bagi pelaksanaan TKB.

Seperti yang diumumkan pada 21 November 2003, Bakat Rampai Sdn Bhd ("BRSB"), anak syarikat milik penuh Syarikat telah membuat tawaran untuk menjual keseluruhan pegangan saham berjumlah 36,081,980 saham biasa RM1.00 setiap satu yang mewakili kira-kira 11.25% kepentingan ekuiti dalam Berjaya Times Square Sdn Bhd ("BTSSB") kepada Matrix International Bhd ("MIB") untuk pertimbangan berjumlah RM111,854,138 yang akan dijelaskan dengan menerbitkan 79,895,813 saham biasa baru MIB bernilai RM1.00 sesaham pada harga terbitan RM1.40 sesaham. Sebagai susulan kepada perkara di atas dan seperti yang diumumkan pada 2 April 2004, BRSB bersama 6 pihak yang lain iaitu Tan Sri Dato' Seri Tan Chee Yioun, Dato' Robin Tan Yeong Ching, Rayvin Tan Yeong Sheik, Nerine Tan Sheik Ping, JMP Holdings Sdn Bhd dan Vecc-Men Holdings Sdn Bhd telah memeterai perjanjian jual beli bersyarat dengan MIB pada 30 Mac 2004 untuk menjual 320,613,940 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang mewakili keseluruhan kepentingan dalam BTSSB untuk pertimbangan RM993,901,819 yang akan dijelaskan dengan menerbitkan 709,929,871 saham biasa baru MIB bernilai RM1.00 sesaham pada harga terbitan RM1.40 sesaham ("Cadangan Penjualan"). Cadangan Penjualan masih tertakluk kepada kelulusan pihak berkenaan termasuk Suruhanjaya Sekuriti.

PROSPEK

Tinjauan ekonomi tempatan bagi 2004 pada umumnya tetap memberangsangkan, disokong oleh kestabilan politik dan asas ekonomi yang kukuh, walaupun dunia dilanda ketidakpastian akibat peperangan berterusan di Iraq, konflik Israel-Palestin yang semakin meruncing, ancaman penganas, kemungkinan kemunculan semula wabak SARS, langkah memperketat syarat pinjaman bank dan kemungkinan diperlahankan ekonomi di China. Namun begitu, prospek yang lebih baik bagi pertumbuhan ekonomi sedunia pada 2004, dengan pemulihan ekonomi yang berlaku di beberapa negara perindustrian besar dan ekonomi serantau, menjadi petanda positif yang dinanti-nantikan. Ekonomi Malaysia dijangka semakin mantap dan mencapai kadar pertumbuhan antara 6% - 6.5% pada 2004.



◀ Seri Selangor Golf Course, designed and built by Dijaya, where many of the original trees have been conserved.

Padang Golf Seri Selangor, yang direka dan dibina oleh Dijaya. Kebanyakan pokok asal masih terpelihara.

Part of the Group's security team.

Sebahagian daripada pasukan keselamatan Kumpulan.



APPRECIATION

On behalf of the Board of Directors, I would like to record our appreciation to Tan Sri Ahmad Farouk Bin Isahak and Encik Azhar Bin Abdul Wahab who had resigned as Chairman and Director respectively, for their invaluable contributions during their tenure. On the same note, I wish to welcome our new Directors, Dato' Ahmad Hassan Bin Osman and Mr. Loh Chen Peng to the Board.

Special thanks and appreciation are due to all our valued shareholders and customers for their loyalty and trust, our bankers, project consultants and contractors for their continued support and the government authorities for their much-appreciated cooperation.

Last but not least, I would also like to take this opportunity to congratulate my fellow directors, management and staff of the Group on the much improved performance in 2003, and we hope to achieve bigger success for the Group in the coming year.

We believe in building homes for happy families and close-knit communities.

Kami berusaha membina kediaman untuk keluarga yang bahagia dan masyarakat yang bergaul mesra.



Kumpulan kami, yang sekian lama merintis pembangunan hartanah mewah di Petaling Jaya sejak 1992, kini menghadapi persaingan lebih sengit daripada pemaju hartanah yang mencontohi model perniagaan kami dan membangunkan jenis hartanah yang sama di kawasan ini. Pihak pengurusan akan terus menilai sama ada model perniagaan ini masih relevan memandangkan cabaran yang dihadapi di pasaran dan persekitaran perniagaan yang semakin berubah. Namun begitu, dengan jenama yang unggul dan rekod pencapaian yang diiktiraf secara meluas kerana berjaya menyiapkan projek perumahan yang inovatif dan bermutu tinggi tepat pada masanya, di samping usahanya menjalin hubungan yang erat dengan pembeli yang sebahagian besarnya merupakan pembeli ulangan, Kumpulan yakin projek-projeknya akan terus mendapat sambutan yang menggalakkan.

Sekiranya tiada perkara di luar jangkaan berlaku, Kumpulan dijangka terus mencatatkan prestasi yang memuaskan pada tahun-tahun akan datang.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya merakamkan penghargaan kami kepada Tan Sri Ahmad Farouk Bin Isahak dan Encik Azhar Bin Abdul Wahab, yang meletakkan jawatan sebagai Pengerusi dan Pengarah, kerana sumbangan berharga mereka semasa memegang jawatan masing-masing. Pada masa yang sama, saya mengalu-alukan penyertaan Pengarah baru kami, Dato' Ahmad Hassan Bin Osman dan Encik Loh Chen Peng ke dalam Lembaga Pengarah.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan merakamkan penghargaan kepada semua pemegang saham dan pelanggan yang dihargai kerana kesetiaan dan kepercayaan mereka; kepada bank, perunding projek dan kontraktor kerana sokongan berterusan mereka; dan kepada pihak kerajaan kerana memberikan kerjasama yang sangat dihargai.

Akhir sekali, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada para pengarah, pihak pengurusan dan kakitangan Kumpulan kerana membantu Kumpulan mencatatkan prestasi yang lebih baik pada 2003, dan kami berharap kita sama-sama dapat mencapai kejayaan yang lebih besar pada tahun akan datang.

Tan Sri Dato' Tan Chee Sing

Chairman / Pengerusi
1 June / Jun 2004